



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**HARGA RUNCIT RON97 DAN RON95 MENINGKAT 3 SEN SELITER DARI
4 DISEMBER 2025 HINGGA 10 DISEMBER 2025**

Seiring dengan peningkatan harga minyak dunia, Kerajaan menetapkan **harga runcit petrol RON97 pada RM3.29 seliter dan RON95 tanpa subsidi pada RM2.66 seliter bagi tempoh 4 Disember 2025 hingga 10 Disember 2025.**

Kerajaan akan terus meneliti dan melaras harga runcit petrol RON97 dan RON95 berdasarkan perkembangan pasaran minyak dunia semasa, namun keutamaan tetap diberikan kepada kestabilan harga.

Sehubungan itu, berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism*, harga runcit produk petroleum bagi tempoh **4 Disember 2025 hingga 10 Disember 2025** telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) harga runcit petrol RON97 dinaikkan sebanyak 3 sen kepada RM3.29 seliter;
- (ii) harga runcit petrol RON95 tanpa subsidi dinaikkan sebanyak 3 sen kepada RM2.66 seliter;
- (iii) harga runcit petrol bersubsidi RON95 di bawah BUDI95 kekal pada RM1.99 seliter;
- (iv) harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia kekal pada RM3.08 seliter; dan
- (v) harga runcit diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan kekal pada RM2.15 seliter.

Kerajaan akan terus memantau trend harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

3 Disember 2025